

05 SEP 1996

LABUAN MEMILIKI KELEBIHAN DLM MEMBANGUNKAN PRODUK KEWANGAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Labuan memiliki kelebihan berbanding pusat-pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) yang lain dalam membangunkan produk-produk kewangan luar pesisir secara Islam, kata ketua pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) Dr Awang Adek Hussin.

"Jika anda lihat pada sekeliling secara objektif, lihat kepada latar belakang Labuan dan iltizam kerajaan ke arah sistem perbankan secara Islam di Malaysia, Labuan, sebagai sebuah pusat luar pesisir, adalah antara yang paling munasabah untuk mengendalikan alat kewangan Islam luar pesisir berbanding dengan pusat-pusat luar pesisir yang lain," katanya dalam satu temubual di Labuan baru-baru ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkenalkan produk-produk kewangan luar pesisir secara Islam di Labuan bagi membolehkan pulau itu dibangunkan sebagai pusat utama bagi produk sedemikian.

Langkah tersebut bertujuan mengambil kesempatan kemajuan Malaysia dalam perbankan secara Islam supaya IOFC Labuan akan menjadi sebuah pusat utama bagi penerbitan dan pemasaran instrumen-instrumen kewangan secara Islam yang diterima di peringkat antarabangsa.

Dr Awang Adek berkata perbankan secara Islam di Malaysia telahpun dibangunkan secara agak meluas, dan Labuan merupakan tempat yang paling sesuai untuk dijadikan pusat bagi produk-produk luar pesisir secara Islam.

Ini, katanya, bukan sahaja kerana masa depan negara dari segi penerokaan keserantauan dan sejagat tetapi juga hakikat bahawa kepakaran perbankan secara Islam boleh disumberkan memandangkan Malaysia agak maju dari segi sesetengah produk perbankan secara Islam.

"Jadi, amat bertepatan untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat luar pesisir bagi instrumen secara Islam kerana ia juga merupakan "jendela" kewangan Malaysia ke seluruh dunia," tambahnya.

Bagi memastikan semuanya berjalan dengan baik, Dr Awang Adek berkata LOFSA bercadang untuk menganjurkan satu seminar antarabangsa mengenai produk-produk luar pesisir secara Islam.

"Kami harap untuk duduk berunding dengan pakar-pakar kewangan dan para sarjana Islam untuk memperkenalkan produk-produk sedemikian," katanya sambil menambah bahawa sesetengah bank luar pesisir di Labuan sudahpun menawarkan produk perbankan secara Islam dalam matawang asing.

Tetapi bagi unit amanah, dana dan instrumen kewangan lain secara Islam, beliau berkata perkara itu perlu dibincangkan dengan lebih terperinci.

Pendekatan itu diperlukan supaya dapat mengendalikan produk-produk itu menurut kehendak Syariah dan dalam cara yang dapat menarik minat bakal-bakal pengguna, tambahnya. -- BERNAMA

SHY SIA